

KOSMO! Varsiti Futsal 'panas'

KOSMO 03/08/07 pg-63

Oleh TAJUL ARIFFIN ABU HASSAN
sukan@kosmo.com.my

CUKUP menggalakkan.

Itu gambaran sebenar penyertaan pasukan pada Kejohanan KOSMO! Varsiti Futsal 2007 yang julung-julung kali diadakan tahun ini.

"Untuk makluman, penyertaan bagi peringkat Zon Timur dan Tengah kini sudah penuh," ujar Penolong Pengurus, Pengurusan Je-



nama, Utusan Melayu (Malaysia) Bhd., G. Vimala kepada KOSMO! semalam.

Bagi setiap zon, hanya 72 pasukan

sahaja dibenarkan beraksi dalam tiga kategori yang dipertandingkan.

Sebanyak 48 pasukan akan berrentap dalam kategori lelaki bawah 23 dan masing-masing 12 pasukan bagi kategori lelaki terbuka serta wanita terbuka.

"Disebabkan kedua-dua zon itu telah penuh, maka hanya Zon Selatan sahaja yang masih mempunyai kekosongan," katanya.

Selepas membuka tirainya di Uni-

versiti Utara Malaysia (UUM) pada 27 dan 28 Julai lalu, kejohanan ini akan bergerak ke Zon Timur yang akan berlangsung di Universiti Malaysia Terengganu (UMT) pada 10 dan 11 Ogos.

Sementara itu, Zon Tengah akan berlangsung di Universiti Teknologi MARA (UiTM), Selangor pada 18 dan 19 Ogos.

Manakala Zon Selatan pula akan dijalankan di Universiti Teknologi

Malaysia (UTM), Johor pada 25 dan 26 Ogos.

Peringkat akhir kejohanan pula akan berlangsung di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) Negeri Sembilan pada 8 September ini.

"Bagi pasukan yang masih berminat menyertai kejohanan ini, mereka perlu bersaing bagi peringkat Zon Selatan sahaja," tambah Vimala.

Untuk keterangan lanjut, hubungi urus setia di talian 017-2129941.